

dalam keadaan telah menjadi hitam legam. Lalu mereka dicampakkan ke dalam sungai malu atau kehidupan¹⁷⁶ - Malik ragu -. Terus saja mereka tumbuh seperti tumbuhnya biji

yang satu lagi. Lalu akhirnya dia diampunkan dan dimasukkan ke dalam syurga. Berdasarkan hadits ini jelaslah bahawa yang ditimbang adalah buku catatan amalan manusia.

(3) Yang ditimbang ialah tubuh tuan punya amalan, tetapi alat penimbangnya tidak menimbang berat badan atau pun saiz badannya. Sebaliknya yang memberi kesan kepada berat atau ringannya adalah amalan tuannya. Antara dalil yang menyokong pendapat golongan ke tiga ini ialah sebuah hadits riwayat Abu Hurairah yang tersebut di dalam Sahih bukhari dan Muslim, iaitu; إِنَّهُ لَيَأْتِي الرَّجُلَ الْعَظِيمُ السَّمِينُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يَزِنُ عِنْدَ اللَّهِ جَنَاحُ بَعُوضَةٍ. Bermaksud: “Akan datang pada Hari Kiamat kelak seorang yang besar dan gemuk badannya, tetapi berat badannya di sisi Allah tidak ada walaupun hanya seberat sebelah sayap nyamuk.” Satu lagi dalil yang dijadikan pegangan oleh golongan ketiga, juga berupa sabda Nabi s.a.w. Ia tentang ‘Abdullah bin Mas’ud yang (labu) betisnya lebih kecil berbanding orang-orang lain. Lihat haditsnya di bawah ini:

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ أَنَّهُ كَانَ يَجْنِي سِوَاكَ مِنَ الْأَرَاكِ وَكَانَ ذَقِيقَ السَّاقَيْنِ فَجَعَلَتِ الرِّيحُ تَكْفُؤُهُ فَصَنَجَكَ الْقَوْمُ مِنْهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِمَّنْ تَضْحَكُونَ قَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ مِنْ دَقِيقَةِ سَاقَيْهِ فَقَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَهُمَا أَثَقُلَ فِي الْمِيزَانِ مِنْ أَحَدٍ

Bermaksud: Diriwayatkan daripada Ibni Mas’ud, bahawa pernah beliau memetik berus gigi daripada pokok arak (nama pokok). Betis beliau kecil. Tiba-tiba angin menyingkap kedua kakinya, lalu orang-orang mentertawakannya. Rasulullah s.a.w. bertanya: “Kenapa kamu ketawa?” Mereka menjawab: “Wahai Nabiyyallah, kami mentertawakan betisnya yang kecil.” Maka Baginda s.a.w. bersabda: “Demi Zat yang nyawaku berada di tanganNya, sesungguhnya kedua betisnya lebih berat dalam timbangan (di akhirat nanti) daripada bukit Uhud.” (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani, al-Bazzaar dan lain-lain).

Ketiga-tiga pendapat di atas disokong oleh dalil-dalil masing-masing sama ada daripada al-Quran mahupun hadits. Jadi, kesemua pandangan itu boleh diterima. Tidak ada pertentangan di antara satu sama lain sebenarnya, malah kesemuanya boleh digabungkan. Menurut Ibnu Katsir, mungkin sesetengah individu ditimbang amalannya, sesetengah yang lain pula mungkin ditimbang buku catatan amalannya. Manakala ada pula yang lain ditimbang tubuh badannya sendiri. Mungkin antara hikmahnya bagi sesetengah orang yang terlalu mementingkan penampilan badannya, maka badannyalah yang akan ditimbang di Hari Akhirat sebagai menunjukkan bahawa apa yang dianggap besar itu tiada nilainya di sisi Allah s.w.t. Ini kerana di Padang Mahsyar kelak, setiap orang akan mengalami keadaan dan layanan yang berbeza-beza sesuai dengan keadaannya semasa di dunia dahulu.

¹⁷⁶ Ada yang dikeluarkan daripada neraka dalam keadaan hitam legam kerana terlalu lama dibakar di dalam Neraka. Kemudian mereka dicampakkan ke dalam sebatang sungai digelar Sungai Hujan (di musin hujan) atau Sungai Malu atau Sungai kehidupan. Perbezaan erti ini disebabkan syak atau keraguan Imam Malik terhadap sebutan perkataan haya atau hayaa’ atau hayaah. Biar apa pun, syak Imam Malik tersebut telah dihilangkan oleh Imam Bukhari apabila beliau mengemukakan riwayat anak murid ‘Amar (guru Imam Malik) yang lain sebagai mutaba’ah. Nama murid ‘Amar itu ialah Wuhaib. Wuhaib dengan sebutan yang pasti telah menukulkan daripada ‘Amar perkataan hayaah (kehidupan). Daripada syak Imam Malik di sini dapat diketahui sekurang-kurangnya tiga perkara berikut: (1) Keadaan ini menunjukkan setinggi mana sekalipun darjat seseorang imam itu, ada kalanya dia juga mengalami syak atau tidak pasti dalam

benih di tepi aliran sungai. Tidakkah kamu perhatikan, bagaimana ia keluar meliuk lentok dalam keadaan berwarna kuning?”¹⁷⁷

Berkata Wuhaib, `Amar meriwayatkan kepada kami, (perkataan) الحياة (kehidupan). Dan beliau (`Amar juga) berkata, seberat biji sawi kebaikan.

٢٣ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عُبَيْدٍ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ صَالِحٍ عَنِ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ أَبِي أُمَامَةَ بْنِ سَهْلٍ أَنَّهُ

سَمِعَ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَا أَنَا نَائِمٌ رَأَيْتُ النَّاسَ يُعْرَضُونَ عَلَيَّ وَعَلَيْهِمْ

meriwayatkan sesuatu perkataan hadits. (2) Periwiyatan sesuatu hadits daripada seseorang tokoh dengan menyebutkan keraguannya tidak bererti mendedahkan kekurangannya kepada umum, sebaliknya ia menunjukkan ketinggian dan kelebihanannya kerana mempunyai sikap amanah yang sangat tinggi dalam penyampaian hadits-hadits Nabi s.a.w. (3) Jika syak Imam Malik diambil kira dan diperhatikan sudut ma`nanya, niscaya di sana tetap juga terdapat beberapa kelebihanannya yang tersendiri. Andaikata anda memilih ma`na ‘hujan’, ini menunjukkan bahawa hujan di dunia ini mempunyai peranan yang amat besar dalam menyuburkan kembali tanah-tanah gersang yang sudah mati dan sungai-sungai yang kekeringan. Jadi, sebagaimana di dunia ini sungai merupakan punca kesegaran dan kehidupan, maka begitulah juga keadaannya di Akhirat kelak. Jika anda memilih perkataan ‘malu’, maka sifat malu juga mempunyai keistimewaan dan erti yang sangat besar. Sebab itulah malu disifatkan di dalam hadits sebagai salah satu daripada cabangan iman yang besar (penting). Jika anda memilih ma`na ‘kehidupan’ pula, maka itu bererti sungai tersebut seolah-olahnya memberikan kehidupan yang baharu kepada orang yang mandi di dalamnya.

¹⁷⁷ Ini merupakan perbandingan orang-orang yang dikeluarkan daripada neraka dalam keadaan hitam legam pada awalnya, akhirnya dengan cepat ia bertukar menjadi putih bersih secepat biji-biji benih yang bertunas selepas banjir atau di tepi sungai.

Dengan mengemukakan hadits ini Imam Bukhari bermaksud menyatakan ma`na iman yang tersebut di dalamnya. Ia bagi Bukhari berma`na amalan. Kesimpulan ini dibuat beliau berdasarkan hubungan iman dan amalan yang terlalu rapat sehingga kedua-duanya tidak boleh dipisahkan. Anda boleh saja menggunakan perkataan iman dengan ma`na amalan. Dan begitu juga sebaliknya. Ini kerana iman yang sebenarnya adalah iman yang diterjemahkan melalui amalan. Amalan yang berguna kepada seseorang pula adalah amalan yang berasaskan iman. Oleh kerana perhubungan di antara iman dan amalan tidak boleh dipisahkan, Nabi s.a.w. seringkali menukar-nukar tempat perkataan iman dengan menyebut amalan dan perkataan amalan pula di tempat perkataan iman. Hakikat ini sekali gus mendedahkan kepalsuan pegangan golongan Murji`ah yang menafikan kaitan antara iman dan amalan. Pegangan mereka itu jelas sekali menyeleweng daripada ajaran Rasulullah s.a.w. Mengaitkan iman dengan amalan sebenarnya akan menjadikan umat Islam satu umat yang aktif, bukannya umat yang berkhayal dan hidup dibuai mimpi serta angan-angan tanpa melakukan apa-apa kerja.

قَمِصٌّ مِنْهَا مَا يَبْلُغُ الثَّدْيَ وَمِنْهَا مَا دُونَ ذَلِكَ وَغُرَضٌ عَلَيَّ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ وَعَلَيْهِ قَمِصٌّ يَجْرُهُ قَالُوا فَمَا أَوْلَتْ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الدِّينُ.

23- Muhammad bin 'Ubaidillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibrahim bin Sa'ad meriwayatkan kepada kami daripada Saleh (bin Kaisan)¹⁷⁸ daripada Ibni Syihaab daripada Abi Umaamah bin Sahal, bahawa beliau telah mendengar Abu Sa'id al-Khudri berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Ketika aku tidur, aku bermimpi melihat orang-orang dihadapkan kepadaku dalam keadaan mereka berbaju."¹⁷⁹ Ada yang bajunya hanya sampai ke buah dada dan ada yang kurang lagi dari itu. Dihadapkan pula kepadaku 'Umar bin al-Khatthaab. Dia memakai baju labuh meleret."¹⁸⁰ Para sahabat bertanya:

¹⁷⁸ Perawi yang ketiga hadits ini ialah Saleh bin Kaisan al-Madani, kunyahnya Abu Muhammad atau Abu al-Harits. Antara sahabat Nabi s.a.w. yang sempat beliau temui adalah 'Abdullah bin az-Zubair dan 'Abdullah bin 'Umar. Bahkan menurut Yahya bin Ma'in beliau sempat mendengar hadits riwayat mereka berdua. Ketokohnya pula diakui oleh semua 'ulama'. Antara perkara yang menarik tentangnya pula sebagaimana disebutkan oleh al-'Allamah Badruddin al-'Aini pengarang 'Umdatul Qari Syarah Sahih Bukhari ialah beliau wafat pada tahun 140 Hijrah ketika berusia 160 tahun. Saleh agak lewat menceburkan diri dalam pembelajaran. Beliau baru memulakan pembelajarannya pada usia 90 tahun. Menurut al-Haakim beliau memulakan pembelajarannya ketika berumur 70 tahun. Bagaimanapun pendapat Haakim ini dipertikaikan kerana sekiranya beliau memulakan pengajian pada usia itu, beliau masih sempat dengan hayat Nabi s.a.w.

¹⁷⁹ Sebagaimana telah diketahui di dalam bab Wahyu yang lalu, mimpi para nabi juga merupakan wahyu. Adakalanya mimpi mereka menjadi kenyataan, betul-betul seperti yang kelihatan kepada mereka dalam mimpi. Adakalanya pula tidak, malah ia perlu dita'wil. Dalam kedua-dua keadaan itu mimpi mereka tetap merupakan wahyu dari Allah.

¹⁸⁰ Sabda Nabi s.a.w. ini seolah-olahnya meletakkan kedudukan agama Saiyyidina Umar bin al-Khatthaab r.a. mengatasi kedudukan agama orang-orang lain, termasuklah Saiyyidina Abu Bakar as-Shiddiq r.a. apabila Baginda s.a.w. menyatakan bahawa dikemukakan di hadapan Baginda orang-orang lain selain beliau. Para 'ulama' telah mengemukakan beberapa jawapan untuk menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul itu. Berikut dikemukakan jawapan-jawapan itu: (1) Adakalanya di dalam bahasa Arab lafaz-lafaz umum dimaksudkan dengan ma'na yang lebih khusus. Contohnya perkataan 'manusia' atau 'orang-orang' di dalam hadits 23 di atas, tidaklah memaksudkan keseluruhan mereka, termasuk Saiyyidina Abu Bakar as-Shiddiq r.a. Penggunaan begini juga turut terdapat di dalam bahasa melayu, misalnya jika sesuatu masakan yang langsung tidak menepati selera dihidangkan, lalu seseorang mengatakan, "Makanan teruk macam ini tidak akan ada orang yang dapat menelannya". Dia hanya memaksudkan masyarakat setempat yang mempunyai selera yang sama dengannya sahaja, sedangkan makanan yang sama mungkin menjadi hidangan istimewa di tempat yang mengalami kebuluran umpamanya. (2) Gambaran

perbandingan kedudukan Saiyyidina Umar bin al-Khatthaab r.a. di dalam hadits ini adalah dengan manusia biasa secara umum, bukannya secara khusus atau dengan orang-orang tertentu. Ini kerana manusia biasa hanya digambarkan memakai baju antara labuh ke paras tetek, lebih singkat lagi dari itu atau labuh sedikit hingga ke bawah buah dada. Tidak pula disebutkan nama manusia-manusia atau orang-orang lain yang labuh baju mereka mungkin melepasi paras itu seperti sampai ke perut, pusat, pinggang, paha, lutut, betis, buku lali dan sebagainya. Sedangkan labuhnya baju Saiyyidina Umar bin al-Khatthaab r.a. amat jauh berbeza daripada mereka sehingga ia meleret ke tanah. (3) Apa yang ditunjukkan kepada Nabi s.a.w. di dalam mimpi itu hanyalah kelebihan Saiyyidina Umar bin al-Khatthaab r.a. secara juz'iy, atau daripada sudut-sudut tertentu sahaja, bukannya kelebihan secara umum dalam semua perkara. Kelebihan seperti ini boleh dilihat dalam ganjaran yang disediakan kepada para mu'azzin umpamanya, mereka akan disediakan dengan mahligai yang digambarkan dicemburui oleh semua orang termasuk para nabi. Tetapi itu tidaklah bererti para nabi mendapat ganjaran yang lebih rendah daripada mereka. Sesuatu perkara yang negatif dalam mimpi tidak semestinya negatif dalam ta'birnya. Begitu juga sebaliknya, sesuatu yang positif dalam mimpi tidak semestinya baik dalam ta'birnya. Contohnya, melabuhkan pakaian sehingga meleret ke tanah dalam keadaan sedar dan jaga adalah tidak baik dan ia di tegah dalam sekian banyak hadits Rasulullah s.a.w. Sebagai contohnya hadits berikut; **إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى** Bermaksud: Sesungguhnya pada hari kiamat kelak Allah tidak akan memandang kepada orang yang memakai kain labuh meleret. (Hadits riwayat Ahmad). Sedangkan hadits 23 di atas pula tidak menampakkan memakai pakaian yang labuh meleret itu sebagai sesuatu yang tidak baik, malah ia dita'bir oleh Rasulullah s.a.w. dengan agama. Tentu sekali ia baik. Ia bahkan mengisyaratkan kepada kelebihan 'Umar kerana kekuatan beragamanya. Ini menunjukkan apa yang kelihatan dalam mimpi itu tidak boleh diqiaskan dengan apa yang ada atau berlaku semasa jaga dan sedar. Larangan melabuhkan pakaian semasa jaga, dalam kenyataan hidup juga tidak mutlaq. Ia berkait dengan sifat sombong yang mendorong seseorang berpakaian begitu. Itulah sebabnya dalam kebanyakan riwayat yang menyebut tentang Allah tidak memandang kepada orang yang memakai pakaian labuh disertakan juga qaidnya, iaitu kerana sombong dan untuk mempamerkan kemegahan diri. Lihat misalnya dua hadits di bawah ini:

(1) **إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى مَنْ يَجُرُّ إِزَارَهُ يَطْرًا**

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada orang yang meleretkan kainnya dengan sombong. (Hadits riwayat Malik, Ahmad, Bukhari, Muslim dan lain-lain).

(2) **لَا يَنْظُرُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَى مَنْ جَرَّ ثَوْبَهُ خِيَلًا**

Bermaksud: Allah di hari kiamat kelak tidak akan memandang kepada orang yang memakai kain labuh meleret kerana kesombongan. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Nasaa'i dan lain-lain).

Kerana itulah para 'ulama' memperincikan hadits-hadits di atas dengan mengatakan larangan tersebut khusus kepada mereka yang melakukannya kerana faktor kesombongan atau kemegahan diri. Hadits-hadits larangan itu sebenarnya mempunyai latar belakangnya yang tersendiri. Salah satu tradisi orang-orang bangsawan yang kaya-raya di zaman jahiliah ialah memakai pakaian labuh sebagai tanda kebangsawanan dan kemegahan mereka. Mereka akan dikenali dengan pakaian itu sebagai golongan atasan dalam masyarakat 'Arab. Semakin kaya dan berkedudukan seseorang, semakin labuhlah pula pakaiannya, sehingga ekor pakaiannya dipegang oleh beberapa orang khadam yang mengiringinya di belakang apabila dia berjalan. Kesimpulannya ialah

“Bagaimana engkau mena’wilkan mimpi itu wahai Rasullallah?” Nabi s.a.w. menjawab: “(Itulah) Agama.”¹⁸¹

larangan melabuhkan pakaian adalah kerana faktor yang disebutkan tadi semata-mata. Dan perkataan ‘Khuyala’ atau ‘Batharan’ yang tersebut di akhir hadits-hadits itu merupakan qaidnya. Sifat sombonglah sebenarnya yang hendak dihapuskan oleh Rasulullah s.a.w. daripada jiwa masyarakat di zamannya. Ia mungkin nyata dalam bentuk lain sesuai dengan adat tradisi bangsa dan masyarakat yang berbeza-beza di sepanjang zaman yang sentiasa berubah-ubah. Apa sahaja bentuk penyombongan diri, walaupun mungkin dengan menyingkatkan pakaian atau dengan memilih fesyen-fesyen pakaian yang tertentu, semuanya tidak elok pada pandangan Islam. Semuanya akan mengakibatkan seseorang itu tidak akan dipandang oleh Allah dengan pandangan rahmat di akhirat kelak. Dalam keadaan memakai pakaian labuh tanpa dorongan sifat sombong dan megah pula terdapat beberapa hadits yang membenarkannya. Nabi s.a.w. sendiri membenarkan Abu Bakar memakai pakaian labuh. Alasannya ialah beliau tidak memakainya dengan niat menyombongkan diri. Dan larangan melabuhkan pakaian yang tersebut di dalam hadits-hadits itu pula hanya terhad kepada golongan lelaki sahaja. Adapun golongan wanita, mereka sememangnya digalakkan berpakaian labuh. Sabda Nabi s.a.w.

¹⁸¹ Imam Bukhari mengisytarkan melalui hadits ini kepada agama yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. Ia adalah amalan. Kerana, sebagaimana baju yang kelihatan secara zahirnya pada pandangan orang ramai, maka amalan juga adalah sesuatu yang boleh dilihat oleh orang lain. Ini berbeza dengan iman, kerana iman adalah suatu yang tidak zahir pada pandangan. Sebagaimana baju berguna dalam menutup aurat seseorang, menyelamatkannya daripada cuaca sejuk atau panas, membuatkan penampilannya lebih menarik, maka begitulah juga dengan amalannya. Kerana amalannyalah seseorang boleh menghindarkan dirinya daripada bahang api neraka atau kesejukan yang bersangatan di dalamnya kelak. Agama (amalan) jugalah yang dapat mengawal manusia dan menutup keaibannya sehingga dia layak disebut sebagai manusia, bukan binatang. Kalau manusia tidak punya agama, mereka tidak akan tahu bagaimanakah cara untuk mencapai kehidupan yang sempurna. Perkataan agama yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. di sini adalah dengan ma’na amalan. Berdasarkan hadits ini, baju dita’bir oleh Rasulullah s.a.w. dengan agama. Di dalam kitab-kitab ta’bir mimpi, baju adakalanya dita’bir sebagai pasangan hidup, sama ada suami atau isteri. Ta’bir ini juga benar dalam keadaan-keadaan tertentu, kerana ia berasaskan firman Allah berikut: هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ yang bermaksud; Mereka (isteri-isterimu) adalah pakaian bagimu, dan kamu pula adalah pakaian bagi mereka. (al-Baqarah:187).

Maksud agama yang dikaitkan dengan ‘Umar itu bukanlah berupa ibadat semata-mata, tetapi lebih daripada itu lagi. Beliau sebagai pejuang, mertua kepada Nabi s.a.w., pemerintah yang adil dan berjaya dalam melaksanakan hukum-hakam Allah di kalangan manusia dan lain-lain. Itulah maksud agama di dalam hadits ini. Dalam erti kata yang lain agama yang dikaitkan dengan ‘Umar itu bukanlah dalam bentuk ibadat khusus seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan seumpamanya sahaja, tetapi sebagai suatu cara hidup yang lengkap. Sekiranya seseorang mukallaf hanya mementingkan ibadat-ibadat seperti yang disebutkan tadi sahaja dalam kehidupan sehariannya tanpa mengambil peduli tentang tuntutan-tuntutan yang lain, maka agamanya tentu sekali belum sempurna dalam erti kata yang sebenarnya. Kehidupan yang bersepadu antara tuntutan dunia dan akhirat, tanggungjawab individu dan masyarakat serta kesediaan

١٦- بَابُ الْحَيَاءِ مِنَ الْإِيمَانِ

16- Malu Adalah Sebahagian Daripada Iman.¹⁸²

٢٤- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى رَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ وَهُوَ يَعِظُ أَخَاهُ فِي الْحَيَاءِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعُهُ فَإِنَّ الْحَيَاءَ مِنَ الْإِيمَانِ.

24- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Ibn Syihaab daripada Salim bin `Abdillah daripada ayahnya. (Kata beliau) Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah lalu di hadapan seorang lelaki Anshaar

melaksanakan segala perintah Allah dalam segenap bidang kehidupan itulah agama Islam yang sempurna. Perkataan 'ad-Din' yang disebut di dalam al-Quran itu sendiri bukan kesemuanya membawa maksud ibadat-ibadat khusus sahaja, tetapi sebaliknya merangkumi keseluruhan aspek kehidupan seseorang manusia, termasuk dalam pelaksanaan hukum jenayah. Contohnya dapat anda lihat pada ayat ke 2 Surah an-Nur di mana Allah s.w.t. berfirman;

الرَّائِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدُ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٤﴾

Bermaksud: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan (hukum) agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman. (an-Nuur:2).

Berdasarkan firman Allah ini agama mempunyai pengertian yang sangat luas. Ia tidak hanya berkisar di sekitar ibadat-ibadat tertentu atau upacara-upacara keagamaan yang khusus seperti terdapat dalam agama-agama yang lain. Ia bukan seperti yang difahami oleh ramai orang sekarang ini, termasuklah sesetengah umat Islam sendiri. Agama juga bererti kehidupan seseorang yang terikat dengan ketentuan dan panduan syari'at, tidk kira apa pun kedudukan atau profesionnya. Ringkasnya, perkataan agama yang tersebut di dalam hadits ini difahami Bukhari dengan erti amalan.

¹⁸² Melalui tajuk bab ini dan beberapa tajuk bab selepasnya juga Imam Bukhari bermaksud menolak pendapat golongan Murji'ah yang mengatakan tiada sebarang kaitan antara iman dan amalan. Beliau cuba membuktikan sekian banyak amalan yang disebut oleh al-Qur'an dan al-Hadits sebagai sebahagian daripada iman. Walaupun sebahagiannya mungkin hanya merupakan bahagian pelengkap atau penyempurna sahaja, namun ia tetap merupakan bahagian iman juga. Imam Bukhari juga mahu menjelaskan bahawa pada dasarnya orang yang tidak mempunyai perasaan malu tidak akan beriman.

yang sedang menasihati saudaranya tentang malu.¹⁸³ Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Biarkanlah dia, kerana sesungguhnya malu adalah sebahagian daripada iman.”¹⁸⁴

¹⁸³ Maksudnya ialah dia menasihati saudaranya agar tidak terlalu malu.

¹⁸⁴ Walaupun Imam Bukhari sudah mengemukakan sebuah hadits yang maksudnya lebih kurang sama dengan kandungan hadits ini, tetapi hadits sebelumnya disentuhnya secara sepintas lalu sahaja. Kali ini secara lebih lanjut Imam Bukhari hendak mengisytarkan melalui hadits ini bahawa iman bukanlah sesuatu yang tersembunyi atau tidak kelihatan kesan-kesannya. Ini kerana sifat malu adalah sesuatu yang amat berkait rapat dengan amalan. Seseorang itu hanya malu untuk melakukan sesuatu bukan menyembunyikannya. Maka yang menjadi sebahagian daripada iman itu adalah amalan. Sifat malu juga berbeza-beza antara seseorang dengan seseorang yang lain. Ada orang yang amat pemalu, ada juga yang sederhana malunya dan tidak kurang juga yang amat kurang sifat malunya. Ini menunjukkan wujudnya perbezaan dalam sifat malu, dan ia mengisytarkan kepada perbezaan tahap keimanan seseorang yang memiliki sifat terpuji ini, sehingga boleh dikatakan kepada seseorang yang langsung tidak memiliki sifat malu sebagai orang yang tidak beriman, kerana pada hakikatnya seseorang yang tidak beriman itu langsung tidak mempunyai perasaan malu untuk berterima kasih atau bersyukur kepada tuhan penciptanya yang memberikan segala ni`mat kehidupan kepadanya. Sikap mengenang budi juga sepatutnya ditunjukkan kepada RasulNya. Seorang utusan Allah yang telah menyerahkan jiwa dan raga demi menyelamatkan umatnya daripada terjerumus ke lembah kesyirikan.

Nabi menjelaskan sifat malu adalah sebahagian daripada iman, maka tidak menjadi suatu perkara yang patut dibimbangkan sekiranya seseorang itu mempunyai sifat yang baik ini, walaupun mungkin agak keterlaluan pada pandangan sesetengah pihak, sekali gus tidak menyenangkan mereka. Jadi sifat malu yang berlebihan tidaklah menjadi sesuatu yang bercanggah dengan syara' dan perlu dibimbangi, sebaliknya sifat malu yang berkurangan itulah yang sepatutnya lebih dibimbangi. Ini kerana sifat malu merupakan benteng yang kukuh bagi seseorang daripada melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama. Masyarakat akan terdedah kepada perkara-perkara negatif sekiranya sifat ini terhakis daripada jati diri komunitinya. Walau bagaimanapun, sifat malu tidak seharusnya dibiarkan keterlaluan dan berlebihan sehingga mengongkong seseorang itu daripada melakukan perkara kebaikan. Itulah sebabnya Saiyyidatina `Aishah r.a. pernah memuji perempuan-perempuan Anshar, kerana perasaan malu yang ada pada mereka tidak (pernah) menghalang mereka daripada bertanya tentang ilmu agama. Kata beliau:

نَعْمُ النِّسَاءُ نِسَاءُ الْأَنْصَارِ لَمْ يَمْنَعْنَهُنَّ الْحَيَاءُ أَنْ يَتَفَقَّهْنَ فِي الدِّينِ

Bermaksud: Sebaik-baik wanita adalah wanita Anshar. Perasaan malu tidak pernah menghalang mereka daripada mendalami ilmu agama. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Majah dan Ibnu Hibbaan).

Para `ulama' hadits telah membahagikan perasaan malu kepada dua jenis iaitu malu thab`iy dan malu syar`iy. Malu thab`iy bermaksud sifat malu semulajadi yang terdapat pada manusia. Perasaan malu yang dimaksudkan di dalam hadits ini adalah malu syar`iy bukan malu thab`iy. Sesetengah perasaan malu sudah pun ada di dalam jiwa-jiwa mereka sesuai dengan fitrah semulajadi kejadian manusia. Tetapi sesetengah yang lain pula tidak. Ada masyarakat tidak menganggap memalukan jika kaum wanitanya mendedahkan pusat masing-masing. Masyarakat India misalnya menganggap wanita mereka yang memakai sari sebagai sangat sopan, padahal

pusat-pusat mereka masih lagi terdedah kepada umum. Maka itu bererti secara thab'iyinya mendedahkan pusat bukanlah merupakan sesuatu yang memalukan di kalangan masyarakat mereka. Begitu jugalah dengan pendedahan kepala atau rambut dan seumpamanya, ianya bukanlah sesuatu yang memalukan bagi manusia sebelum datangnya agama Islam yang dibawa oleh nabi kita Muhammad s.a.w. Tetapi setelah syari'at datang, ia mengajar manusia bahawa seseorang wanita yang beriman itu harus menutup bahagian-bahagian tertentu daripada tubuhnya yang dipanggil dalam istilah syari'at sebagai aurat.

Perasaan malu yang diterapkan oleh syari'at sebenarnya adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang dianggap malu oleh akal (fitrah) manusia yang suci. Perasaan malu untuk melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syari'at misalnya, tetap ada pada mu'min sejati, meskipun ia berada di suatu tempat tidak dapat disaksikan oleh orang lain.

Oleh kerana perasaan malu itu merupakan asas penting bagi iman, maka ia secara umumnya terpuji sebagai salah satu perasaan yang baik. Malu juga dianggap sebagai anak tangga pertama untuk menjelaskan kepada masyarakat bukan Islam agar mereka mudah memahami konsep keimanan kepada Allah, apabila mereka sedar dan akur bahawa setiap budi dan jasa itu harus disyukuri.

Gambaran sebenar sifat malu yang dimaksudkan dalam agama Islam ialah sebagaimana yang dihuraikan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri melalui sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi di dalam Sunannya. Lihat hadits itu di bawah ini:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَحْيُوا مِنْ اللَّهِ حَقَّ الْحَيَاءِ قَالَ قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا لَنَسْتَحْيِي وَالْحَمْدُ لِلَّهِ قَالَ لَيْسَ ذَلِكَ وَلَكِنَّ الْإِسْتِحْيَاءَ مِنَ اللَّهِ حَقَّ الْحَيَاءِ أَنْ تَحْفَظَ الرَّأْسَ وَمَا وَعَى وَتَحْفَظَ الْبُطْنَ وَمَا حَوَى وَتَتَذَكَّرَ الْمَوْتَ وَالْبُلَى وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ تَرَكَ زِينَةَ الدُّنْيَا فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَقَدْ اسْتَحْيَا مِنَ اللَّهِ حَقَّ الْحَيَاءِ

Maksudnya: Daripada Ibnu Mas'ud r.a. Kata beliau, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Malulah kamu kepada Allah dengan sebenar-benarnya." Kata Ibnu Mas'ud, (Maka) Kami berkata: "Wahai Rasulullah, Alhamdulillah, kami memang malu kepada Allah." Baginda berkata lagi: "Bukan begitu sifat malu kepada Allah yang aku maksudkan, akan tetapi malu yang sebenar-benarnya kepada Allah ialah (apabila) kamu menjaga kepalamu dan apa yang terkandung di dalamnya, kamu menjaga perutmu dan isi kandungannya, kamu mengingati kematian dan kebinasaan tubuh badanmu. Orang yang mahukan akhirat pasti akan meninggalkan perhiasan dunia. Sesiapa yang bersikap begitu, bererti dia telah malu kepada Allah dengan sebenar-benarnya.

Abu Tammaam di dalam Diwan Hamasahnya telah menukikan tiga rangkap syair yang cukup berma'na dalam menggambarkan kedudukan perasaan malu dalam kehidupan manusia.

إِذَا لَمْ تُحْشَ عَاقِبَةُ اللَّيَالِي ♦ وَلَمْ تَسْتَحْيِ فَاصْنَعْ مَا تَشَاءُ
فَلَا وَاللَّهِ مَا فِي الْعَيْشِ خَيْرٌ ♦ وَلَا الدُّنْيَا إِذَا دَهَبَ الْحَيَاءُ
يَعِيشُ الْمَرْءُ مَا اسْتَحْيَا بِخَيْرٍ ♦ وَيَبْقَى الْعُودُ مَا بَقِيَ اللَّحَاءُ

Maksudnya: Apabila engkau tidak bimbang menerima akibat malam-malam itu, dan engkau tidak malu, maka engkau boleh melakukan apa sahaja yang engkau kehendaki.

Tidak, demi Allah, sesungguhnya tidak ada apa-apa kebaikan dalam kehidupan ini, dan tidak ada ertinya kehidupan ini jika tidak ada lagi sifat malu.

Seseorang itu akan dapat hidup dengan baik selagi ada sifat malu pada dirinya. Batang pokok akan terus hidup selagi ia ditutupi kulitnya.

Betapa pentingnya sifat malu dalam diri seseorang mu'min, dapat anda perhatikan dalam sejarah iblis yang mula-mula menggoda manusia. Hasil godaan pertama Iblis ialah mendedahkan aurat

١٧- باب فإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ

17- Bab:¹⁸⁵ *Maka Jika Mereka Bertaubat, Mendirikan Shalat Dan Memberikan Zakat, Biarkanlah Mereka.*¹⁸⁶

¹⁸⁵ Menurut Hafiz Ibnu Hajar, berdasarkan riwayat perkataan باب di baca dengan bertanwin, بَابٌ. Ia merupakan khabar muhtadā mahzūf (yang dibuang). Taqdirnya هَذَا بَابٌ فِي تَفْسِيرِ قَوْلِهِ تَعَالَى Boleh juga perkataan itu dii'rab sebagai mudhaf dan ditaqdirkan begini: هَذَا بَابٌ فِي تَفْسِيرِ قَوْلِهِ تَعَالَى Kedua-duanya bermaksud; "Ini adalah satu bab tentang tafsiran firman Allah s.w.t)". Hafiz Badruddin 'Aini tidak bersetuju dengan pendapat yang diutarakan oleh birasnya itu. Alasannya ialah tajuk sedemikian lebih sesuai terletak di dalam Kitab at-Tafsir. Bab ini pula sedang membicarakan tentang aqidah. Hafiz Al-'Aini awal-awal lagi tidak menerima pendapat Hafiz Ibnu Hajar, bahawa berdasarkan riwayat perkataan باب di baca dengan bertanwin. Bagi beliau perkataan بَاب di sini seharusnya tidak diberikan apa-apa baris. Ia dikira sebagai isim ma'ni. Ma'ninya adalah atas sukun (mati), seperti ketika anda menyebut isim-isim tunggal lain yang tidak berada dalam sesuatu susunan ayat (كثرة الأسماء من غير تركيب). Bagi al-'Aini, maksud Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menolak pendapat golongan Murji'ah yang menganggap amalan adalah suatu yang tidak penting dalam kehidupan beragama. Antara hujah beliau untuk menguatkan da'waannya lagi ialah ayat tersebut merupakan (salah satu) ayat al-Quran yang terakhir diturunkan menurut satu riwayat daripada Anas r.a. (آخر ما نزل من القرآن), sedangkan hadits di atas lebih awal dari sudut tarikh wurudnya. Bagaimana ayat yang turun lebih akhir dapat ditafsirkan oleh hadits yang lebih awal wurudnya. Walau bagaimanapun kemusykilan yang ditimbulkan beliau telah dijawab oleh 'ulama'-'ulama' kemudian. Menurut mereka tidak semestinya tafsiran ayat-ayat hanya harus berada di dalam Bab Tafsir sahaja. Tafsiran ayat yang berkaitan dengan 'aqidah, tidak ada salahnya kalau disebutkan dalam Bab Aqidah. Itulah yang dilakukan oleh Bukhari. Begitu juga dengan tarikh nuzul atau wurud, tidak semestinya hadits yang terdahulu wurudnya tidak boleh mentafsirkan ayat yang terkemudian turunnya (lewat nuzulnya).

¹⁸⁶ Kali ini Imam Bukhari membawakan tajuk bab beliau dengan menggunakan ayat al-Quran. Kadang-kadang di tempat yang lain beliau menggunakan petikan hadits sebagai tajuk babnya. Seperti yang kita sudah sedia ma'lum, Imam Bukhari tidak akan meletakkan sesebuah tajuk melainkan di dalamnya tersimpan maksudnya yang tersendiri. Antara maksud Imam Bukhari membawakan ayat al-Quran di atas sebagai tajuk bab kepada hadits yang tersebut di bawahnya ialah: (1) Beliau hendak membuktikan adanya kesesuaian (مناسبة) di antara ayat al-Quran tersebut dengan hadits bab. Ini kerana sekali pandang, seolah-olah tiada perkaitan di antara keduanya. Ayat al-Quran tersebut menceritakan tentang taubat, sedangkan haditsnya pula tentang perintah memerangi golongan kafir harbi. Tetapi jika diteliti dengan saksama, akan kelihatanlah kepada anda betapa rapatnya perkaitan antara kedua-duanya. Mari kita analisa perkaitan antara ayat di dalam tajuk bab dengan hadits di bawah bab ini yang hendak dibuktikan perkaitannya oleh Bukhari: